



# **GARIS PANDUAN KOD ETIKA RAKAN NIAGA**

## **MAJLIS BANDARAYA KUANTAN**

Disediakan oleh:  
**Seksyen Integriti**  
**Pejabat Datuk Bandar**  
**Majlis Bandaraya Kuantan**

## ISI KANDUNGAN

NO	PERKARA	MUKA SURAT
1.0	Pengenalan	01
2.0	Dasar Polisi Sistem Pengurusan Antirasuah Majlis Bandaraya Kuantan (SPAR MBK) ISO 37001:2016	02
3.0	Definisi	03
4.0	Prinsip-Prinsip:  4.1 Jujur Melaksanakan Tanggungjawab 4.2 Mematuhi Undang-Undang 4.3 Menjauhi Rasuah 4.4 Mengelakkan Perancangan Kepentingan 4.5 Menghindari Amalan Anti-Kompetitif 4.6 Hadiah, Hospitaliti, Sumbangan dan Penajaan Sistem Pengurusan Antirasuah (Klausa 8.7) 4.7 Pembayaran Fasiliti dan/atau Pembayaran / Ugutan / Paksaan	04
5.0	Sekatan Perhubungan dengan MBK	06
6.0	Pelanggaran Kod Etika Rakan Niaga	06
7.0	Dasar Perlindungan Pemberi Maklumat/Aduan Integriti (Whistleblowing) – Klausa 8.9	07
8.0	Komitmen Antirasuah (SPAR) – Klausa 8.6	08
9.0	Kewajipan Rakan Niaga	08
10.0	Kewajipan Majlis Bandaraya Kuantan (Komunikasi) – Klausa 7.4	09
11.0	Perakuan Pematuhan Kod Etika Rakan Niaga	09

## **1.0 PENGENALAN**

- 1.1 Majlis Bandaraya Kuantan (MBK) dengan komitmen yang penuh untuk menjalankan perkhidmatan secara profesional, beretika dan berintegriti dengan standard yang tertinggi. MBK mengamalkan pendekatan toleransi sifar terhadap semua bentuk rasuah dan menjunjung tinggi semua undang-undang yang berkaitan dengan AntiRasuah dan Rasuah.
- 1.2 Kod Etika Rakan Niaga MBK ini menggariskan prinsip-prinsip dan tahap tingkah laku yang dijangka daripada setiap rakan niaga, pekerja-pekerja mereka, sub-kontraktor dan sub-rakan niaga MBK dalam memenuhi pemberian atau pelaksanaan kontrak barang, perkhidmatan, kerja dan perolehan am.
- 1.3 Prinsip-prinsip kod etika selaras dengan Visi dan Misi Majlis Bandaraya Kuantan dalam mengekalkan piawaian yang tinggi dalam tadbir urus MBK dalam meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti, ketelusan, integriti dan kemampunan dalam perolehan MBK bagi mengurangi dan membasmi gejala rasuah.

## **2.0 POLISI SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH MAJLIS BANDARAYA KUANTAN (SPAR MBK) ISO 37001:2016**



### **DASAR POLISI SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH MAJLIS BANDARAYA KUANTAN (SPAR MBK) MS ISO 37001:2016**

MBK komited untuk menjamin dan mempertingkatkan integriti pengurusan dan kakitangan mengikut peraturan dan undang-undang yang diguna pakai untuk mengekang aktiviti rasuah dan menjadi sebuah Pihak Berkuastra Tempatan (PBT) yang cemerlang serta dapat menyampaikan perkhidmatan kepada pelanggan dengan sebaik mungkin serta merealisasikan visi MBK iaitu Kuantan Bandaraya Lestari, Inklusif, Resilient dan Pintar.

MBK mengamalkan toleransi sifar terhadap semua bentuk rasuah, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dan komited untuk bertindak secara telus, profesional dan berintegriti semasa menjalankan urusan pentadbirannya.

Pihak ketiga yang dilantik untuk mewakili kepentingan MBK mestilah mematuhi prinsip-prinsip yang dinyatakan di dalam polisi ini.

Dasar polisi ini hendaklah dibaca bersama dengan Polisi Antirasuah MBK dan Prosedur Perlindungan Pemberi Maklumat (*Whistleblowing*) MBK.

MBK akan:

- a). Mematuhi peruntukan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan Undang-Undang lain yang berkaitan, peraturan, polisi dan prosedur yang telah ditetapkan di dalam melaksanakan tugas mereka.
- b). Mewujudkan proses pengenalan, penganalisaan, penaksiran dan kawalan risiko bagi proses-proses kerja utama serta membuat perancangan untuk mencapai objektif, sasaran, program dan pelan tindakan bagi aktiviti-aktiviti yang dikenal pasti mempunyai risiko yang memberi impak kepada MBK.
- c). Membuat semakan semula dasar dan penilaian risiko sekurang-kurangnya sekali dalam satu tahun kalender atau sekiranya ada perubahan dalam pengurusan, perundangan dan aktiviti-aktiviti jabatan.
- d). Mewujudkan ruang pelaporan yang selamat melalui Prosedur Perlindungan Pemberi Maklumat (*Whistleblowing*) MBK bagi menggalakkan pelaporan aktiviti salah laku rasuah atau sebarang pelanggaran integriti serta menjamin kerahsiaan maklumat pengadu.
- e). Seksyen Integriti MBK bertanggungjawab memantau pematuhan SPAR MBK.
- f). Pihak Pengurusan Atasan MBK komited untuk melaksanakan kawalan dan penambahbaikan secara berterusan menerusi SPAR MBK mengikut standard MS ISO 37001:2016 (Anti-Bribery Management Systems).
- g). Mengambil tindakan sewajarnya ke atas mana-mana pihak yang tidak mematuhi Polisi SPAR MBK mengikut peraturan-peraturan, polisi, arahan dan garis panduan MBK atau undang - undang yang berkuatkuasa.

**DATO' HAMDAN BIN RUSSIN**  
NSAP, AMP, SAP, AAP, AMP  
**DATUK BANDAR KUANTAN**  
**MAJLIS BANDARAYA KUANTAN**

### **3.0 DEFINISI**

Terma-terma yang digunakan dalam Kod Etika Rakan Niaga ini adalah seperti berikut:

#### **3.1 Rakan Niaga**

: Individu / syarikat / jabatan kerajaan atau NGO yang berurusan atau membuat urus niaga yang dilantik MBK dan bercadang untuk mengadakan atau sedang dalam kontrak dengan MBK.

#### **3.2 Wakil Rakan Niaga**

: Rakan niaga, penyedia perkhidmatan, vendor, kontraktor, perunding dan ejen "Pihak Ketiga" yang menyediakan kerja, produk, barang, peralatan, bahan atau perkhidmatan atau tindakan untuk atau atas nama MBK, termasuk tetapi tidak terhad kepada pekerja mereka, sekutu atau pihak ketiga atau sub-kontraktor lain yang telah dilibatkan oleh Pihak Ketiga untuk melaksanakan perkhidmatan, atau menyediakan produk kepada atau bertindak untuk atau bagi syarikat.

#### **3.3 Hadiah**

: Termasuk wang, harta alih atau tak alih, kenderaan, tambang percuma, saham, tiket loteri, kemudahan perjalanan, hiburan, perkhidmatan, keahlian kelab, apa-apa bentuk diskaun atau komisen, hamper, barang kemas, perhiasan, apa-apa pemberian, cenderamata, atau apa-apa benda yang bernilai yang diberi kepada atau diterima oleh pegawai itu, isterinya atau mana-mana orang lain, bagi pihaknya daripada mana-mana orang, dengan tiada balasan atau balasan yang diketahui oleh pegawai itu tidak mencukupi ataupun mencukupi.

#### **3.4 Ahli Keluarga**

: Bermaksud seorang anggota keluarga termasuk suami, isteri, ibu, bapa, anak (termasuk anak angkat dan anak tiri), saudara lelaki dan saudara perempuan pegawai MBK serta suami isteri kepada anak, saudara lelaki atau saudara perempuan pegawai MBK.

#### **3.5 Pegawai Pengantara**

: Bermaksud mana-mana pegawai MBK yang ditugaskan bagi mengendalikan urusan perolehan tender, sebut harga atau pembelian terus atau mula dikeluarkan sehingga salah semua urusan rakan niaga dilaksanakan oleh rakan niaga atau wakil rakan niaga.

### **3.6 Perhubungan yang Dilarang**

: Bermaksud perhubungan secara lisan atau bertulis dengan mana-mana Pegawai, Ahli Majlis atau lain-lain pegawai MBK, selain daripada Pegawai Pengantara yang mana boleh secara munasabah diandaikan bahawa perhubungan tersebut bertujuan untuk mempengaruhi atau secara munasabah boleh mempengaruhi perkara-perkara yang berkaitan dengan perolehan tersebut. Larangan ini termasuklah dan tidak terhad kepada perjumpaan peribadi, komunikasi telefon, surat, faks, emel dan sebagainya. Larangan ini tidaklah termasuk perhubungan dengan pegawai MBK atas sebab untuk perbincangan tentang kerja yang sedang dilakukan yang mana tiada kaitan dengan urusan perolehan yang sedang dalam tindakan.

### **3.7 Pegawai MBK**

: Mana-mana pegawai dan kakitangan termasuk mana-mana Ahli Majlis dan anak syarikatnya.

## **4.0 PRINSIP-PRINSIP**

Majlis Bandaraya Kuantan menjangka rakan niaga perlu menjalankan perniagaan mengikut piawaian etika yang tinggi, termasuk pematuhan kepada prinsip-prinsip berikut:

### **4.1 JUJUR MELAKSANAKAN TANGGUNGJAWAB**

- a) Merekod dan melaporkan secara jujur dan tepat semua maklumat perniagaan;
- b) Bertanggungjawab menjaga aset fizikal dan intelektual termasuk hartaanah serta bekalan dan peralatan apabila diberi kuasa oleh MBK untuk menggunakan aset tersebut; dan
- c) Memastikan semua rekod, komunikasi dan pendedahan yang berkaitan dengan MBK dibuat dengan penuh adil, tepat pada masanya dan boleh difahami.

### **4.2 MEMATUHI UNDANG-UNDANG**

- a) Mematuhi terma dan syarat-syarat yang telah dipersetujui di dalam perjanjian kontrak;
- b) Mematuhi semua peraturan dan undang-undang sivil dan/atau jenayah negara

## **4.7 PEMBAYARAN FASILITI DAN / ATAU PEMBAYARAN / UGUTAN / PAKSAAN**

- a) MBK melarang menerima atau memberi, sama ada secara langsung atau tidak langsung, sebarang pembayaran fasilitasi atau pembayaran ugutan/paksaan;
- b) "Pembayaran Fasilitasi" adalah pembayaran tidak sah atau tidak rasmi yang dibuat sebagai balasan untuk perkhidmatan yang berhak diterima oleh pembayar secara sah tanpa membuat pembayaran tersebut;
- c) Pemerasan adalah tuntutan memenuhi kepuasan sama ada atau tidak dengan ancaman jika permintaan itu ditolak.

## **5.0 SEKATAN PERHUBUNGAN DENGAN MBK**

- 5.1** Pegawai pengantara akan dilantik atau ditugaskan bagi setiap urusan tender, sebut harga dan perundingan perolehan oleh MBK. Apabila pegawai pengantara telah dilantik, rakan niaga atau mana-mana pihak yang bertindak bagi pihak rakan niaga, termasuk kepada mereka yang menawar khidmat runding cara, rundingan atau lain-lain perkhidmatan tidak dibenarkan membuat perhubungan dengan mana-mana pegawai MBK melainkan perhubungan tersebut dibenarkan oleh pegawai pengantara dalam tempoh urusan perolehan sedang dalam tindakan.

## **6.0 PELANGGARAN KOD ETIKA RAKAN NIAGA**

- 6.1** Sebarang pelanggaran atas mana-mana peruntukan dalam Kod Etika Rakan Niaga ini dan Polisi Sistem Pengurusan Antirasuah Majlis Bandaraya Kuantan, MBK boleh mengambil tindakan mengikut undang-undang atau sepetimana yang telah dipersetujui oleh pihak-pihak dalam apa-apa kontrak, termasuk tetapi tidak terhad kepada mengisyiharkan rakan niaga sebagai tidak bertanggungjawab atau melanggari kontrak atau dihalang dari meneruskan menjadi rakan niaga.

- 6.2** Rakan niaga hendaklah patuh sepenuhnya kepada semua undang- undang dan peraturan-peraturan berkenaan rasuah, sogokan dan amalan perniagaan yang dilarang.

Pelanggaran Kod Etika Rakan Niaga, Polisi Sistem Pengurusan Antirasuah MBK atau sebarang peruntukan dibawahnya boleh menyebabkan rakan niaga dikenakan hukuman jenayah atau sivil mengikut undang-undang.

Antara tindakan yang akan dikenakan ke atas ketidakpatuhan kepada

- c) Mematuhi undang-undang berkenaan rasuah dan sogokan termasuk Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694); dan
- d) Mematuhi semua undang-undang dan peraturan alam sekitar yang berkaitan dengan bahan-bahan berbahaya, pelepasan udara, bahan buangan dan sisa buangan.

#### **4.3 MENJAUHI RASUAH**

- a) Tidak bersubahat dalam melakukan aktiviti berunsur rasuah;
- b) Segera melaporkan kepada Seksyen Integriti Majlis Bandaraya Kuantan sekiranya terdapat perlakuan atau cubaan rasuah dilakukan oleh Pegawai MBK atau rakan niaga lain.
- c) Saluran Pelaporan boleh dibuat menerusi:

**Seksyen Integriti**

Pejabat Datuk Bandar

Majlis Bandaraya Kuantan

Emel rasmi: [integriti@mbk.gov.my](mailto:integriti@mbk.gov.my)

Telefon: 09 5121 555 / 666 (samb. 7853)

#### **4.4 MENGELAKKAN PERCANGGAHAN KEPENTINGAN**

- a) Rakan Niaga tidak dibenarkan menawarkan atau memberi hadiah sama ada secara langsung atau tidak langsung kepada mana-mana Pegawai / Ahli Keluarga MBK dan Ahli Majlis MBK.
- b) Rakan niaga tidak akan menggunakan khidmat atau mengambil mana-mana individu atau syarikat berkepentingan untuk berunding atau mendapat kontrak MBK atas apa-apa perjanjian atau persefahaman untuk membayar komisen, kadar peraturan kepada keputusan perolehan yang sedang dalam tindakan.

#### **4.5 MENGHINDARI AMALAN ANTI-KOMPETITIF**

- a) Rakan niaga dan wakil rakan niaga hendaklah mengamalkan persaingan yang sihat dan telus dalam urus niaga perolehan seperti tidak memberi maklumat palsu atau mengelirukan kepada rakan niaga yang lain, menyembunyi atau memusnah dokumen.

#### **4.6 HADIAH, HOSPITALITI, SUMBANGAN DAN PENAJAAN SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH (KLAUSA 8.7)**

- a) MBK melaksanakan prosedur untuk mencegah apa-apa tawaran, pemberian atau penerimaan hadiah, hospitaliti, sumbangan dan lain-lain faedah seumpamanya yang boleh dianggap sebagai rasuah.

- a) Penalti / Denda
- b) Penamatan Kontrak ; dan
- c) Disenaraihitam atau dibatalkan pendaftaran bagi tempoh tertentu bagi ketidakpatuhan yang berulang

## **7.0 DASAR PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT / ADUAN INTEGRITI (WHISTLEBLOWING) – KLAUSA 8.9**

**7.1** Dasar tersebut menetapkan prosedur yang membolehkan Rakan Niaga untuk mengemukakan masalah yang benar mengenai yang sebenarnya atau disyaki tidak beretika, menyalahi undang-undang, salah laku lain-lain kelakuan tidak wajar dan juga menetapkan proses untuk menguruskan sebarang tindakan, gangguan terhadap pemberi maklumat.

**7.2** MBK melaksanakan prosedur seperti berikut :

- a) Menggalakkan dan membenarkan seseorang individu untuk melaporkan dengan suci hati dan bertanggungjawab atau berdasarkan kepercayaan yang munasabah, berkaitan cubaan atau syak melakukan rasuah, atau apa juga kelakuan tidak wajar atau kelemahan yang wujud dalam Sistem Pengurusan Antirasuah (SPAR) kepada unit yang bertanggungjawab;
- b) Melaksanakan proses penyiasatan dengan penuh kerahsiaan termasuk pegawai yang dilaporkan dan identiti pemberi maklumat (whistle-blower);
- c) Melindungi pemberi maklumat dari tindakan atau hukuman, setelah mereka dengan suci hati, atau berdasarkan kepercayaan munasabah, mendedahkan atau melaporkan aduan berkaitan cubaan rasuah, rasuah sebenar atau disyaki rasuah atau pelanggaran Dasar Antirasuah; dan
- d) Mbenarkan pegawai yang menjalankan siasatan menerima pandangan dan nasihat daripada orang yang berkelayakan berkaitan dengan rasuah.

**7.3** MBK sentiasa memastikan semua pegawai memahami tentang prosedur pendedahan kelakuan tidak wajar dan sedia maklum hak dan perlindungan yang ditentukan.

**7.4** MBK sentiasa memastikan semua pegawai memahami tentang prosedur pendedahan kelakuan tidak wajar dan sedia maklum hak dan perlindungan yang ditentukan.

**7.5** Rakan niaga boleh menghubungi pihak berikut jika ada sebarang laporan atau aduan salah laku oleh Pegawai MBK dalam pelaksanaan Kod Etika Rakan Niaga ini.

Seksyen Integriti  
Pejabat Datuk Bandar  
Majlis Bandaraya Kuantan  
Emel rasmi: [integriti@mbk.gov.my](mailto:integriti@mbk.gov.my)  
Telefon: 09 5121 555 / 666 (samb. 7853)

## **8.0 KOMITMEN ANTIRASUAH (SPAR) – KLAUSA 8.6**

Bagi rakan niaga yang terdedah kepada risiko rasuah yang lebih besar dari risiko tahap rendah, MBK bersedia mencegah rasuah melalui:

- a) Rakan niaga mengambil tanggungjawab mengelak gejala rasuah, bagi pihak atau untuk faedah rakan niaga yang berkaitan dengan apa-apa transaksi, projek, aktiviti ataupun hubungan;
- b) MBK boleh menamatkan kontrak/hubungan dengan rakan niaga apabila berlaku rasuah oleh pihak atau faedah rakan niaga yang mempunyai hubungan dengan transaksi, projek, aktiviti atau hubungan.

## **9.0 KEWAJIPAN RAKAN NIAGA**

**9.1** Semua rakan-rakan niaga MBK dan yang sedia ada dikehendaki untuk mematuhi prinsip dan polisi yang diterangkan dalam Kod Etika Rakan Niaga ini. Untuk memenuhi tanggungjawab ini, setiap Rakan Niaga dan Wakil Rakan Niaga serta semua kakitangan mestilah:

- a) Membaca dan memahami Kod Etika ini;
- b) Memantau sendiri pematuhan kepada Kod Etika ini;
- c) Melaporkan kejadian pelanggaran Kod Etika Rakan Niaga kepada Seksyen Integriti Majlis Bandaraya Kuantan bila mana terdapat situasi yang menyebabkan operasinya bercanggah dengan etika ini;
- d) Memberi kerjasama sepenuhnya terhadap siasatan yang dibuat.

## **10.0 KEWAJIPAN MAJLIS BANDARAYA KUANTAN (KOMUNIKASI) - KLAUSA 7.4**

Polisi Sistem Pengurusan Antirasuah MBK perlu disebarkan kepada semua kakitangan dan Rakan Niaga.

## **10.0 KEWAJIPAN MAJLIS BANDARAYA KUANTAN (KOMUNIKASI) - KLAUSA 7.4**

Saya/Kami dengan ini mengesahkan bahawa saya/kami telah membaca dan memahami Kod Etika Rakan Niaga Majlis Bandaraya Kuantan dan saya/kami faham bahawa Kod Etika Rakan Niaga ini meliputi semua individu atau perniagaan yang berurusan atau membuat urusniaga dengan Majlis Bandaraya Kuantan termasuk dan tidak terhad kepada Sub-Kontraktor, Sub-Perunding, Sub-Rakan Niaga serta Pengilang/Pemaju yang bertindak bagi pihak saya/kami, Pegawai dan Pekerja saya/kami.

Saya/Kami dengan ini bersetuju bahawa saya/kami akan mematuhi sepenuhnya semua peruntukan Kod Etika Rakan Niaga MBK ini dan memahami tanggungjawab saya/kami melaporkan segera apa-apa kejadian pelanggaran Kod Etika Rakan Niaga yang diketahui atau mungkin timbul dari pelanggaran Kod Etika ini kepada Majlis Bandaraya Kuantan.

Saya/Kami juga mengesahkan bahawa saya/kami memahami bahawa sebarang pelanggaran atas mana-mana peruntukan dalam Kod Etika Rakan Niaga ini, Majlis Bandaraya Kuantan boleh mengambil tindakan mengikut undang-undang atau seperti mana telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak dalam apa-apa kontrak, termasuk tetapi tidak terhad kepada mengisyiharkan Rakan Niaga sebagai tidak bertanggungjawab, telah melanggar kontrak atau dihalang dari meneruskan urusan menjadi Rakan Niaga.

.....  
Tandatangan Rakan Niaga

Nama dan No. Kad Pengenalan Rakan Niaga

Cop Syarikat: